



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY  
WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Fax : 03-8888 6906

E-mel : [pro@moa.gov.my](mailto:pro@moa.gov.my)

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

## KENYATAAN MEDIA MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

### TIADA SEKATAN DALAM AKTIVITI RANTAIAN BEKALAN DAN PEMASARAN MAKANAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (MOVEMENT CONTROL ORDER)

- Aktiviti pertanian/penternakan/perikanan/akuakultur dibenarkan untuk terus beroperasi bagi memastikan bekalan daging/sayur-sayuran/buah-buahan serta hasil perikanan mencukupi untuk kegunaan rakyat Malaysia dengan syarat mematuhi langkah-langkah sanitasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang menyokong rantai bekalan dan pemasaran makanan termasuk segala *input* pertanian dan makanan ternakan dibenarkan beroperasi seperti sedia kala. Ini bagi memastikan bekalan produk-produk penting dan kritikal yang dikeluarkan oleh petani/nelayan/penternak sampai kepada pengguna dalam tempoh masa dan dan dalam keadaan yang sempurna.
- Premis/kilang yang menyokong rantai bekalan makanan yang berkaitan dan ditakrifkan sebagai kritikal dibenarkan beroperasi dengan penugasan pekerja di tahap minima.
- Pihak industri ini juga perlu bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah saringan dan pencegahan wabak Covid-19 wajib dilaksanakan di peringkat syarikat demi keselamatan pekerja dan pelanggan.
- Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19 di talian *hotline* **03 - 8870 1307 / 1663 / 1664** atau emelkan kepada [bilikgerakan@moa.gov.my](mailto:bilikgerakan@moa.gov.my)

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**

**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**22 MAC 2020**